| ISU | Soalan/Pandangan Peserta | Maklumbalas SSM |
|---|---|---|
| Company Secretary Practising Certificate – CPE Issues | To reduce the number of annual CPE points for company secretary after they been practising for 10 years<br><br>Renewal of certificate – propose for automatic renewal for legal profession (PC, LS)<br><br>Mohon agar SSM dapat menerima CPE bagi tahun2 sebelum bagi pembaharuan lesen amalan contoh utk tahun 2021, CPE dari tahun 2019 yg masih belum digunakan utk pembaharuan Sijil Amalan boleh digunakan<br><br>Excess cpe points wasted during the year.<br><br>Allow excess CPE points to bring forward to next year | Objektif utama keperluan untuk mengumpul mata CPE adalah bagi memastikan setiausaha sentiasa meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan standad profesionalisme dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai setiausaha syarikat.<br><br>Pembelajaran ini haruslah berterusan terutama berkaitan amalan kesetiausahaan tanpa mengambil kira latar belakang profesion atau jumlah tahun pengalaman, bagi memastikan setiausaha sentiasa kompeten dalam melaksanakan tugas dan peka dengan keperluan, peraturan atau undang-undang semasa.<br><br>Sepertimana yang ditetapkan di para 35 dalam Garis Panduan Berkaitan Perakuan Amalan Setiausaha Di Bawah Seksyen 241 AS2016, jumlah mata CPE yang perlu dipatuhi hendaklah dikumpul dalam tempoh sah perakuan amalan setiausaha (PC).<br><br>Lebihan mata CPE dalam tempoh sah terdahulu tidak dibenarkan untuk di bawah ke tempoh berikutnya bagi memastikan setiausaha syarikat sentiasa 'up-to-date' dan objektif CPE tercapai. |
| Company Secretary Practising Certificate – Renewal Issues | Suggest the digital certificate and Practice Certificate to be renewed together at one time<br><br>Why is it impossible to upload the e certificate that is issued by other webinar organisations (LHDN and HIDRAF) into the record of CPD as required by the licensed company secretary on SSM portal? At the moment, only e certificates issued by SSM are being able to get uploaded into the portal by the licensed company secretary. Please advice. | Permohonan pembaharuan perakuan amalan setiausaha (PC) boleh dibuat secara online melalui sistem e-secretary. Permohonan melalui e-secretary akan diluluskan secara automatik oleh sistem di mana tarikh mula PC akan bermula daripada tarikh PC diluluskan. Sijil kursus yang hendak dilampirkan mestilah dalam format pdf dengan saiz dokumen tidak melebihi / max 3MB.<br><br>Selain itu, pembaharuan lesen setiausaha syarikat juga boleh dibuat melalui serah simpan borang permohonan di bawah seksyen 20G(1)(b) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2015 di mana-mana kaunter SSM seluruh Malaysia dengan melampirkan sijil-sijil latihan/kursus yang telah dihadiri.<br><br>Fi bagi permohonan perakuan amalan setiausaha (PC) dan permohonan pembaharuan PC adalah seperti yang telah diwartakan melalui Jadual Fi di dalam Peraturan-peraturan Syarikat (Perakuan Amalan bagi Setiausaha) 2019. |

<table>
<tr><th>ISU</th><th>Soalan / Pandangan Peserta</th><th>Maklumbalas SSM</th></tr>
<tr><td rowspan="5"></td><td>Cara memperbaharu lesen secretary. Tak dapat update CPE point.<br><br>Perserta yang telah menghadir training SSM patut update markah yg ia dpt di system SSM supaya senang renew lisen.</td><td rowspan="5">Jumlah mata CPE yang perlu dikumpul adalah berdasarkan jumlah tahun pembaharuan yang dipohon seperti berikut:<br><br><table><tr><th>Tenpoh sah PC</th><th>Jumlah fi</th><th>Jumlah mata CPE</th></tr><tr><td>1 tahun</td><td>RM100</td><td>20 CPE</td></tr><tr><td>2 tahun</td><td>RM200</td><td>40 CPE</td></tr><tr><td>3 tahun</td><td>RM300</td><td>60 CPE</td></tr></table><br>Buat masa ini tiada pengurangan fi dicadangkan disebabkan pandemik. Walau bagaimanapun kaedah penumpulan mata CPE telah dipermudahkan dengan mengiktiraf kesemua kursus yang disertai secara online.<br><br>Permohonan pembaharuan PC boleh dibuat seawal 6 bulan sebelum tarikh luput sekiranya mata CPE telah mencukupi.</td></tr>
<tr><td>Cadangan adalah supaya yuran pendaftaran amalan diturunkan sepanjang pandemik COVID 19. Juga yuran untuk webinar anjuran COMTRAC dicadangkan disemak dan dikurangkan sepanjang COVID 19.</td></tr>
<tr><td>Cadangan bagi Sijil Amalan Setiausaha supaya tidak perlu untuk mengutip mata atau point.sudah memadai dengan 60 CPE 3 tahun sekali.</td></tr>
<tr><td>Kesukaran renew lesen setiausaha dalam talian. Walaupun sudah cukup CPE tapi masih belum boleh renew lesen. Sudah email maklumat dan screenshot tapi masih belum dapat membantu.<br><br>Sebaiknya tarikh Sijil Amalan Setiausaha bermula 1hb jan dan berakhir 31hb dec bagi setiap tahun bagi setiap setiausaha.</td></tr>
<tr><td>Penambahan tempoh dari 1 tahun ke 3 tahun</td></tr>
</table>

| ISU | Soalan / Pandangan Peserta | Maklumbalas SSM |
|---|---|---|
| | We proposed that the renewal of E-secretary should be done before the date of expiry instead the current requirement of 'License expiry / annual membership renewal date must exceed 30 days from this application date' similar to other professional membership. Furthermore, the CPE hours if not complied with should be allow to have an opportunity to make up in the following year. | Berdasarkan para 4 Peraturan-peraturan Syarikat (Perakuan Amalan bagi Setiausaha) 2019, permohonan pembaharuan perakuan amalan setiausaha (PC) hendaklah dibuat tidak lewat daripada 30 hari daripada tarikh tamat PC.<br><br>Keperluan agar keahlian setiausaha dalam badan professional mestilah sah sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh permohonan pembaharuan PC dibuat adalah bagi memastikan keahlian setiausaha masih lagi sah, tidak digantung atau dibatalkan. Ini adalah selaras dengan keperluan di bawah seksyen 235(2)(a) AS2016 berhubung kelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat. |
| PC / LICENSE ISSUES | When will SSM allow renewal of LS license online? Please take into considerations Co Sec in Sabah. | Isu ini telah dipertimbangkan dalam pembangunan sistem teras SSM yang baharu. |
| PC / LICENSE ISSUES | Sijil Amal setiausaha bolehkah dipanjangkan pembaharuan kepada 2 tahun sekali? | Permohonan pembaharuan Sijil Amalan Setiausaha boleh diperbaharui sehingga 3 tahun:<br><br>a) 1 tahun – RM100<br>b) 2 tahun - RM200<br>c) 3 Tahun – RM300 |
| PC / LICENSE ISSUES | Minta SSM PERTIMBANGKAN agar sistem e-secretary digabungkan dengan renewal of co.sec dan semua point yang diperolehi anjuran SSM direkodkan secara automatik dalam sistem ini | Isu ini telah dipertimbangkan dalam pembangunan sistem teras SSM yang baharu. |
| PC / LICENSE ISSUES | Apakah cara yang diterima pakai oleh pihak SSM bagi Setiausaha Syarikat yang mahu resign kerana Pengarah Syarikat tidak boleh dihubungi atau mereka tidak memberi maklumbalas daripada makluman dan peringatan yang dihantar. Ramai Cosec yang menghadapi isu ini, mohon SSM bantu kami yang juga tersepit dalam hal ini. | Setiausaha syarikat boleh meletak jawatan berdasarkan peruntukan subseksyen 237(2) Akta Syarikat 2016 setelah mengambil tindakan-tindakan sewajarnya dan membuktikan usaha-usaha yang telah dibuat untuk menghubungi lembaga pengarah syarikat. |

| ISU | Soalan/Pandangan Peserta | Maklumbalas SSM |
|---|---|---|
| PC/LICENSE ISSUES | How long (how many years) should secretarial documents be kept (e.g. Annual Return, Audited Financial Statements, etc.) | Section 603 of the CA 2016 require old records to be retained for not less than 7 years. |
| PC/LICENSE ISSUES | Adakah setiap Cosec perlu mendaftarkan diri sbg Compliance Officer di bwh requirement BNM. | Setiausaha syarikat adalah merupakan Reporting Institution di bawah The Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA).<br>Bagi keperluan pelantikan dan pendaftaran Compliance Officer, sila rujuk laman web Bank Negara Malaysia https://amlcft.bnm.gov.my. |
| PC/LICENSE ISSUES | If the company secretary resign, and the client already appoint new company secretary. The file, minutes book and register book we need to return to client or to the new company secretary | Technically, the books need to be returned to the board of directors of the company but of the BOD's instructions in writing are to hand-over the documents to the incoming company secretary, then the company secretary can assist the BOD. |
| PC/LICENSE ISSUES | Accounting records of the company are kept at the address of the business address and happened to be the registered office address. In this case, Section 47(2) is not applicable. However, some of the accounting records of the said co. are also kept at other places. In this scenario, filling of Sec 47(2) is warranted. Could you shed some light on this? | Sila rujuk FAQ berkaitan dipautan berikut :<br>https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Document/PART%20D.pdf. |
| PC/LICENSE ISSUES | Cadangan ada keseragaman format borang yang diserahsimpan ke pejabat SSM. contohnya borang seksyen 105, PD2/2017 dan sebagainya. | Buat masa ini, mohon rujuk kepada Jadual A, B dan C di laman web SSM untuk semakan format borang. Borang-borang ini akan digantikan dengan borang elektronik di dalam sistem teras SSM yang baharu dan sedang dalam peringkat pembangunan. |

| ISU | Soalan/Pandangan Peserta | Maklumbalas SSM |
|---|---|---|
| SECRETARIAL PRACTICE | Can SSM consider accepting residential address of Directors and Shareholders using Kg. XYZ as the address system in Sabah for those residing in kampungs do not have proper address like Lot No. or House No and etc. | Yes, it is acceptable if it is the only available address, provided that the address is exist. |